Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad 198201013982 (93745-A) ("Syarikat")

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

<Name of Customer> yang dihormati,
Risalah Pemberitahuan Produk ini menyediakan maklumat penting berkenaan pelan insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca Risalah Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia membantu mereka; **anda hendaklah membacanya juga.**

Tarikh:<dd/mm/yyyy>

1 Apakah GREAT Returns Extra 6?

GREAT Returns Extra 6 menawarkan perlindungan insurans selama 3 tahun. Pelan ini membayar manfaat kematian dalam satu jumlah sekali gus jika anda meninggal dunia atau mengalami hilang upaya total dan kekal semasa tempoh polisi.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, bagi ***RM<premium amount>*** *tahunan,* anda akan menerima **perlindungan/manfaat** insurans berikut. Rujuk Lampiran bagi maklumat lanjut berkenaan manfaat.	
a) Manfaat Kematian	i) 103.05% daripada premium keseluruhan yang telah dibayar; tetapi jika kematian akibat kemalangan berlaku sebelum ulang tahun polisi bagi umur 70 tahun hari jadi berikut, 105% daripada premium keseluruhan yang telah dibayar akan dibayar. ii) Jika kematian bukan akibat kemalangan berlaku dalam tempoh 6 bulan polisi pertama, premium keseluruhan yang telah dibayar dan sebarang lebihan amaun akan dibayar balik berserta manfaat kematian.
b) Manfaat Hilang Upaya Total dan Kekal ("TPD")	Apabila TPD berlaku sebelum ulang tahun polisi mencapai umur 70 tahun hari jadi berikut, 103.05% daripada premium keseluruhan yang telah dibayar akan dibayar. Jika TPD bukan akibat kemalangan berlaku dalam tempoh 6 bulan polisi pertama, premium keseluruhan yang telah dibayar dan sebarang lebihan amaun akan dibayar balik berserta manfaat TPD.
c) Perlindungan/Manfaat Tambahan	i) Manfaat Hidup ii) Manfaat Matang

Pelan insurans hayat anda **tidak termasuk**:

- Bunuh diri – jika kematian berlaku akibat bunuh diri dalam tahun polisi pertama.
- TPD disebabkan perkara berikut:
  - Sedia wujud sebelum membeli pelan ini.
  - Kecederaan yang dilakukan sendiri.
- Kematian akibat kemalangan disebabkan perkara berikut:
  - Bunuh diri.
  - Peperangan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda mestilah merujuk pada polisi insurans bagi senarai penuh pengecualian.

Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans anda. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkenaan pelan insurans hayat, anda boleh berbincang dengan pengantara atau:

Hubungi kami:	Layari laman sesawang kami:	E-mel kami:
1300-1300 88	greateasternlife.com	wecare-my@greateasternlife.com

3 Ketahui Kewajipan Anda

Bagi insurans hayat ini, anda mestilah membayar premium sebanyak:	
Premium	***RM<premium amount>*** *<payment mode>* Premium adalah dijamin.
Tempoh: ***<Premium Payment Term>*** tahun	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Komisen	***<Total commission percentage>%*** *daripada premium atau* ***RM<total commission amount>***

4 Syarat Utama Lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
- Anda mempunyai tempoh tenggang selama 30 hari dari setiap tarikh premium berikut perlu dibayar untuk membayar premium berikutnya. Jika anda tidak membayar premium semasa tempoh tenggang selama 30 hari, polisi anda akan ditamatkan dan nilai serahan akan dibayar kepada anda.
- Sila layari greateasternlife.com/my bagi maklumat lanjut berkenaan prosedur tuntutan Syarikat.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk pada polisi insurans bagi senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh memerhati bebas:** Anda boleh membatalkan polisi dengan memulangkan polisi insurans dalam tempoh 15 hari selepas polisi dihantar kepada anda. Premium yang anda telah bayar akan dibayar balik kepada anda.
- **Selepas tempoh memerhati bebas:** Anda boleh membatalkan polisi. Apabila polisi dibatalkan sebelum polisi matang, anda akan menerima nilai serahan dijamin seperti ditunjukkan dalam jadual berikut.

Bulan Polisi	Nilai Serahan Dijamin (% daripada Premium Keseluruhan yang telah Dibayar*)	Bulan Polisi	Nilai Serahan Dijamin (% daripada Premium Keseluruhan yang telah Dibayar*)
1	90.20%	19	95.45%
2	90.45%	20	95.70%
3	90.65%	21	95.95%
4	90.90%	22	96.20%
5	91.10%	23	96.40%
6	91.35%	24	96.65%
7	91.60%	25	97.05%
8	91.80%	26	97.30%
9	92.05%	27	97.55%
10	92.25%	28	97.80%
11	92.50%	29	98.00%
12	92.70%	30	98.25%
13	94.05%	31	98.50%
14	94.25%	32	98.75%
15	94.50%	33	99.00%
16	94.75%	34	99.25%
17	95.00%	35	99.50%
18	95.25%	36	99.75%

*Premium keseluruhan yang telah dibayar tidak termasuk sebarang premium yang telah dibayar terlebih dahulu.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Syarikat atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Untuk maklumat berkenaan pemprosesan data peribadi dan hak anda terhadap data peribadi anda, sila rujuk Notis Perlindungan Data Peribadi yang dipaparkan dalam laman sesawang greateasternlife.com, atau dapatkan salinan daripada Pegawai Perkhidmatan Pelanggan kami.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.